

Tingkat 2, Blok A,  
Wisma Sri Pahang,  
25503 Kuantan,  
Pahang, Malaysia.

Level 2, Block A,  
Wisma Sri Pahang,  
25503 Kuantan,  
Pahang, Malaysia.



• Telefon : 09-5162253  
09-5126601  
• Fax : 09-5156106

## SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PAHANG STATE SECRETARY OF PAHANG

SUK.PHG/KPP.004/2.51.7 [ 136 ]

### SURAT PEKELILING SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PAHANG BILANGAN 5 TAHUN 2012

#### LANGKAH-LANGKAH KAWALAN TUNTUTAN KERJA LEBIH MASA

#### TUJUAN

Surat Pekeliling ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan mengenai Langkah-Langkah Kawalan Tuntutan Kerja Lebih Masa bagi semua pegawai/kakitangan Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang yang layak menuntut.

#### LATAR BELAKANG

2. Sebagaimana YH. Dato'/Tuan/Puan sedia maklum, Perintah Am Bab G telah mentakrifkan kerja-kerja lebih masa yang layak mendapat bayaran tertakluk kepada syarat seperti berikut :

- 2.1. Kerja-kerja kecemasan;
- 2.2. Kerja mustahak dan tidak boleh ditangguhkan kepada hari berikutnya oleh sebab penangguhan itu boleh memudaratkan perkhidmatan;
- 2.3. Kerja-kerja yang dikehendaki dibuat oleh anggota melebihi daripada bidang tugas biasanya; dan
- 2.4. Kerja-kerja yang perlu diuruskan dalam jangka masa yang terhad.

3. Bagi tujuan kawalan tuntutan kerja lebih masa, saya juga telah mengeluarkan satu arahan melalui surat SUK.PHG/KPP.004.2.51.7 (23) bertarikh 30 Januari 2009 yang memaklumkan mengenai beberapa keperluan yang perlu dipatuhi antaranya ialah:

- 3.1. Semua kerja-kerja lebih masa hendaklah mendapat arahan bertulis daripada pegawai atasan.
- 3.2. Tuntutan elaun lebih masa hendaklah genap satu(1) jam selepas dari tamat waktu bekerja.
- 3.3. Semua Ketua Unit hendaklah memastikan peruntukan elaun lebih masa mencukupi untuk keperluan kerja lebih masa sepanjang tahun.

## PELAKSANAAN

4. Sebagai langkah-langkah tambahan untuk mengawal Tuntutan Kerja Lebih Masa yang dibuat oleh pegawai/kakitangan Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang, peraturan berikut hendaklah dipatuhi :

- 4.1. Perakuan bagi Tuntutan Kerja Lebih Masa melebihi **1/3** daripada gaji bulanan hendaklah ditandatangani oleh **Setiausaha Bahagian/Ketua Unit**.
- 4.2. Perakuan bagi Tuntutan Kerja Lebih Masa melebihi **1/2** daripada gaji bulanan hendaklah ditandatangani oleh **Timbalan Setiausaha Kerajaan(Pengurusan)** bagi pegawai/kakitangan Bahagian Pengurusan. Manakala bagi pegawai/kakitangan Bahagian Pembangunan perlu ditandatangani oleh **Timbalan Setiausaha Kerajaan(Pembangunan)**.
- 4.3. Sekiranya Tuntutan Kerja Lebih Masa itu **melebihi sebulan gaji** pula, hanya **YB Setiausaha Kerajaan** sahaja yang boleh memperakukan borang tuntutan tersebut.

## TARIKH KUATKUASA

5. Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai **1 April 2012**.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "**  
**"Komited, Proaktif, Responsif"**

[ DATO' SRI MUHAMMAD SAFIAN BIN ISMAIL,  
SSAP, SIMP, DSAP., DIMP., AAP., AMP.]  
Setiausaha Kerajaan Pahang

Tarikh: 17 Mac 2012

### Edaran Kepada :

Timbalan Setiausaha Kerajaan Pahang (Pengurusan)

Timbalan Setiausaha Kerajaan Pahang (Pembangunan)

Semua Setiausaha Bahagian/Ketua Unit  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang